

**SEJARAH PERKEMBANGAN POLITIK NEGERI SEMBILAN
DALAM ABAD KE- 18 DAN 19**

Oleh
SAGAYAMARY A/P D. REGINALD MERCER NELSON
NO. MATRIK: AGE 00002

**DISERTASI SEBAGAI SYARAT MEMPEROLEHI LJAZAH
SARJANA SASTERA DALAM BIDANG SEJARAH MALAYSIA (SECARA
BERKURSUS dan DISERTASI)**

**JABATAN SEJARAH
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESI 2001/2002**



PENGHARGAAN

Dalam usaha saya untuk menyiapkan disertasi ini, pelbagai pihak telah memberikan kerjasama dan sumbangan yang tidak ternilai harganya. Pertama, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia saya, Dr. Joseph Fernando atas bimbingan, dorongan dan teguran beliau yang sangat berharga semasa menjalankan tugas ini. Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pihak Arkib Negara, Kuala Lumpur, di atas kerjasama, bantuan dan layanan mesra mereka sepanjang tempoh penulis menjalankan kajian di Arkib Negara.

Tidak dilupakan juga saudara B. Vengadeshwaran yang sudi meluangkan masa untuk memberi bimbingan, nasihat dan galakan dalam usaha penulis menyempurnakan disertasi ini. Selain itu saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya terutamanya saudari Rohana binti Mohamad dan teman-teman serumah saya di Seksyen 11 yang turut memberikan sokongan moral dalam usaha saya menyiapkan tugas ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan kasih sayang kepada keluarga tercinta terutamanya ibu saya yang telah bersusah payah membesarakan saya dan sentiasa memberikan sokongan dan nasihat yang berguna sehingga menjadikan saya sebagai seorang mahasiswa. Jasa beliau hanya dapat dibalas oleh Tuhan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada abang dan adik saya di atas sokongan mereka sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Sagayamary D. Reginald

Jabatan Sejarah,

Universiti Malaya.

2001/2002

KANDUNGAN**HALAMAN**

SINGKATAN	i
SENARAI PETA	ii
SENARAI GAMBAR	iii
SENARAI LAMPIRAN	iv
ABSTRAK	v
PENDAHULUAN	vi
BAB 1: LATARBELAKANG SEJARAH DAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN	1
BAB 2: NEGERI SEMBILAN SEBAGAI SEBUAH ENTITI POLITIK BEBAS (1773-1874)	28
BAB 3: CAMPURTANGAN BRITISH DI NEGERI SEMBILAN 1874-1895	51
BAB 4: NEGERI SEMBILAN SEBAGAI SEBUAH PERSEKUTUAN 1889-1898	87
BAB 5: KESIMPULAN	108
BIBLIOGRAFI	112
LAMPIRAN	

SINGKATAN

hb: haribulan

NNM: Negeri-Negeri Melayu

NNMB: Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

NNS: Negeri-Negeri Selat

YdB: Yang di Pertuan Besar

SENARAI PETA

PETA 1: PETA NEGERI SEMBILAN YANG MENUNJUKKAN WILAYAH-WILAYAH YANG DIPERINTAH OLEH UNDANG DAN PENGHULU

PETA 2: PETA DAERAH SUNGAI UJONG DALAM TAHUN 1874

PETA 3: PETA DAERAH TAMPIN

PETA 4: PETA MENUNJUKKAN DAERAH SUNGAI UJONG DAN LUKUT

SENARAI GAMBAR

**GAMBAR 1: DATO KLANA SYED PUTRA ABDUL RAHMAN SUNGAI UJONG
1879**

**GAMBAR 2: YAM TUAN MOHAMMAD BERSAMA DUA ORANG
PENGIKUTNYA**

**GAMBAR 3: MARTIN LISTER, RESIDEN BRITISH NEGERI SEMBILAN YANG
PERTAMA**

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 3 : PERJANJIAN BRITISH-BELANDA 17 MAC 1824

LAMPIRAN 3.1: PERJANJIAN PANGKOR 20 JANUARI 1874

LAMPIRAN 3.2: PERJANJIAN NEGERI SEMBILAN 1876

LAMPIRAN 3.3: PERJANJIAN BRITISH-SERI MENANTI 4 JUN 1887

LAMPIRAN 3.4: PERJANJIAN BRITISH-NANING 1801

LAMPIRAN 3.5: PERJANJIAN SUNGAI UJONG 21 APRIL 1874

LAMPIRAN 3.6: PERJANJIAN BRITISH-REMBAU 31 MAC 1883

LAMPIRAN 3.7: PERJANJIAN BRITISH-REMBAU 17 SEPTEMBER 1887

LAMPIRAN 3.8: PERJANJIAN BRITISH-JELEBU 24 OGOS 1883

LAMPIRAN 3.9: PERJANJIAN BRITISH-JELEBU SEPTEMBER 1886

LAMPIRAN 4: PERJANJIAN BRITISH-NEGERI SEMBILAN 13 JULAI 1889

LAMPIRAN 4.1: PERJANJIAN BRITISH-NEGERI SEMBILAN 1895

LAMPIRAN 4.2: PERJANJIAN NEGERI SEMBILAN 1898

ABSTRAK

Disertasi ini mengkaji sejarah perkembangan politik di Negeri Sembilan pada abad ke- 18 dan 19. Malahan dalam abad ke- 18 dan 19 telah berlaku beberapa perubahan dalam sejarah Tanah Melayu yang membawa kepada kemunculan beberapa wilayah dalam satu pergabungan yang bergelar Negeri Sembilan. Dalam disertasi ini juga ditulis bagaimana suku kaum Minangkabau dari Sumatera berjaya menelusuri wilayah-wilayah di Tanah Melayu dan seterusnya mengasaskan kebudayaan dan adat yang dibawa bersama dengan mereka.

Seterusnya mereka mengadaptasikan adat tersebut dengan penduduk tempatan yakni orang Asli sehingga berjaya mengasaskan satu struktur politik yang boleh dikatakan unik kerana berbeza dengan sistem politik Negeri-Negeri Melayu yang lain. Peranan British dalam perkembangan dan penubuhan Negeri Sembilan turut disentuh dalam disertasi.

Walaupun tujuan utama British campurtangan dalam politik tempatan ialah untuk melindungi kepentingan aktiviti ekonominya namun keterlibatan kuasa barat ini boleh dikatakan sebagai pelengkap perkembangan politik Negeri Sembilan memandangkan dalam tahun 1898 British berjaya menyatukan wilayah-wilayah yang berpisah ke dalam satu persekutuan yang bergelar Negeri Sembilan di samping mewujudkan seorang pemerintah bergelar Yam Tuan bagi keseluruhan negeri tersebut.

PENDAHULUAN

OBJEKTIF KAJIAN

Jika dipandang sepantas lalu abad ke- 18 dan 19 mencatatkan peristiwa - peristiwa penting dalam perkembangan sejarah Negeri Sembilan. Walaupun ada beberapa kajian tertentu tentang sejarah Negeri Sembilan tetapi ia tidak menggambarkan secara mendalam mengenai perkembangan politik Negeri Sembilan.¹ Kebanyakan tulisan mengutamakan aspek budaya dan penulisan tentang sejarah politik Negeri Sembilan amat sedikit bilangannya. Justeru itu ini telah memberi ilham kepada penulis untuk memilih tajuk ini sebagai fokus dalam disertasi ini. Malahan sehingga kini masih belum ada satu penulisan yang lengkap mengenai sejarah perkembangan politik Negeri Sembilan dalam abad ke-18 dan 19.

Sherifa Khan telah menulis mengenai ‘The Formation of Modern Negri Sembilan 1874 - 1898’,² tetapi beliau memberi penekanan kepada tahun 1874 iaitu bermulanya campurtangan British dalam sejarah Negeri Sembilan. Tesis Sherifa tidak memberi perhatian yang sewajar bagi tempoh sebelumnya di mana perkembangan politik banyak mempengaruhi kewujudan Negeri Sembilan sebagai sebuah persekutuan.

¹ Di antara tulisan - tulisan tersebut ialah Abdul Samad Idris dalam ‘Negeri Sembilan dan Sejarahnya’ dan ‘Takhta Kerajaan Negeri Sembilan’, Buyong Adil dalam ‘Sejarah Negeri Sembilan’, Mochtar Naim dalam ‘Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau’, R.O. Winstedt dalam ‘History Of Negri Sembilan’ R.J. Wilkinson dalam ‘Notes On Negeri Sembilan’ dan Mubin Sheppard dalam ‘A Short History of Negeri Sembilan’.

² Sherifa Khan, The Formation of Modern Negri Sembilan 1874 - 1898, MA thesis, University Malaya, 1966.

Disertasi ini pula mengkaji latarbelakang masyarakat dan sejarah Negeri Sembilan sebelum 1874 untuk memberi gambaran sejarah perkembangan politik yang lebih menyeluruh. Kajian ini seterusnya memberi fokus kepada kemunculan Negeri Sembilan sebagai sebuah entiti politik bebas yang mempunyai organisasi pentadbirannya yang tersendiri sebelum British campurtangan dalam Negeri Sembilan.

Malahan kajian ini turut mengkaji mengenai hubungan Negeri Sembilan - Johor yang telah bermula sejak negeri tersebut dibuka. Walaupun British campurtangan dalam hal - ehwal Negeri Sembilan, namun Maharaja Johor iaitu Abu Bakar turut memainkan peranan penting dalam politik Negeri Sembilan dalam era British. Walaupun tesis Sherifa Khan menghadkan kajianya sehingga tahun 1898 namun beliau tidak menyentuh mengenai pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dalam tahun 1896 yang membawa kepada pengabungan negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang di bawah satu pemerintahan pusat.

Disebabkan menyedari kepentingan ini dan kekurangan kajian mengenai Negeri Sembilan maka tajuk ini dipilih. Perbincangan dimulakan dengan penghijrahan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan sebagai latarbelakang kajian. Kemasukan masyarakat Minangkabau menandakan bermulanya satu elemen baru dalam sejarah perkembangan politik Negeri Sembilan kerana mereka berjaya mengasaskan satu corak pentadbiran yang berbeza dengan negeri-negeri Melayu yang lain di Semenanjung Tanah Melayu. Ini merupakan titik peralihan yang penting dalam sejarah Negeri Sembilan khususnya dan Tanah Melayu umumnya.

Kajian ini juga bertujuan untuk menelusuri dari tahap awal keterlibatan British dalam sejarah perkembangan politik Negeri Sembilan dalam abad ke- 18 dan 19. Tahun 1874 menandakan bermulanya campurtangan British secara rasmi dalam hal-ehwal negeri-negeri Melayu yang bermula dengan Perjanjian Pangkor. Ini merupakan titik peralihan yang penting dalam sejarah Tanah Melayu yang membawa perubahan drastik dalam semua aspek terutamanya pentadbiran apabila British mencari kedudukan baru dalam arena politik tempatan. Perjanjian Pangkor yang dimeterai antara British dengan negeri Perak pada 20 Januari 1874 menandakan permulaan proses pentadbiran British di Negeri-Negeri Melayu. British telah mengukuhkan dan meluaskan pengaruhnya melalui perjanjian tersebut.

Sejak awal Negeri Sembilan dibuka sehingga tahun 1898 pergolakan politik yang berlaku dalam negeri tersebut adalah disebabkan oleh keinginan British untuk menguasai monopoli ekonomi di samping mengukuhkan kedudukan politik mereka di negeri tersebut setelah berjaya mengukuhkan pemerintahan mereka di Perak dan Selangor. Peranan British sangat penting dalam perkembangan politik Negeri Sembilan kerana British telah berusaha memperluaskan pengaruh kekuasaan di negeri tersebut dengan harapan dapat mengeksplorasi kekayaan bijih timah di negeri tersebut.

Di samping itu kajian ini turut bermatlamat mengetengahkan secara kritik peranan British sebagai penentu dalam perkembangan sejarah Negeri Sembilan. Matlamat British selepas era 1874 telah mengalami perubahan terutama dalam orientasi dasar British di Tanah Melayu. Walaupun di peringkat awal British mengamalkan polisi tidak campurtangan dalam politik tempatan namun dasar

tersebut akhirnya terpaksa disisihkan demi menjaga kepentingan ekonomi dan politik kuasa Eropah tersebut.

SKOP KAJIAN

Walaupun British telah lama bertapak di Tanah Melayu namun mereka tidak menjalankan intervensi atas negeri yang dijajah. Pada tahun 1873 Lord Kimberley (Setiausaha Tanah Jajahan di London) berpendapat bahawa dasar tidak campur tangan di Tanah Melayu harus diubah. Sir Andrew Clarke yang menggantikan Sir Harry Ord sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat telah melaksanakan perubahan dasar tidak campur tangan kepada dasar campur tangan.³

Kedatangan British ke rantau ini bertujuan untuk mendapatkan kekayaan yang telah sekian lama dinikmati oleh pihak Portugis dan Belanda melalui aktiviti perdagangan. Malahan "... the political interest of Britain in the Malay Peninsula and Archipelago from the latter eighteenth century were largely determined by the nature of her interest in India and China".⁴ Bagi mencapai tujuan tersebut mereka terpaksa bersaing dengan kuasa-kuasa luar yang lain.

³ H.S. Barlow, *Swettenham*, Kuala Lumpur : Southdene Sdn. Bhd., 1995.

⁴ R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysia, Tradition, Modernity and Islam*, London: Westview Press, 1986. n.p. ?

Sejak kemasukan British di Sungai Ujong (1874), pengaruhnya telah menular ke Rembau, Jelebu dan daerah-daerah lain di seluruh Negeri Sembilan. Kedudukan Negeri Sembilan dari segi ekonomi terutamanya telah mendorong British sebagai sebuah kuasa dominan untuk memastikan kedudukannya dalam gelanggang ekonomi tempatan tidak terancam. Ini adalah kerana selain kawasan Larut di Perak terdapat beberapa kawasan di Negeri Sembilan yang kaya dengan galian bijih timah seperti Sungai Ujong dan Jelebu.

Kajian ini dihadkan sehingga tahun 1898 memandangkan dalam tahun tersebut daerah- daerah yang terdiri daripada Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Tampin, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas dan Gemencheh telah disatukan dalam satu persekutuan yang dikenali sebagai Negeri Sembilan melalui Perjanjian 1898. Disertasi ini telah dibahagikan kepada lima bab yang utama:

Pendahuluan : Pengenalan yang meliputi Objektif Kajian, Skop Kajian, Perbatasan Kajian, Sumber dan Metodologi Kajian.

Bab Satu: Latarbelakang Sejarah dan Masyarakat Negeri Sembilan

Dalam bab ini ditulis mengenai latarbelakang Negeri Sembilan dari segi geografi untuk memahami sejarah perkembangan politik negeri tersebut. Lokasi petempatan adalah penting dalam memahami sesuatu peristiwa sejarah kerana ia dapat memberi gambaran yang jelas mengenai sesuatu peristiwa tersebut. Penekanan turut diberi kepada asal-usul penduduk dan penghijrahan orang Minangkabau ke dalam Negeri Sembilan.

Bab Dua : Negeri Sembilan Sebagai sebuah Entiti Politik Bebas (1773 - 1874)

Bab ini akan membincangkan mengenai struktur pemerintahan awal sebelum kemunculan Negeri Sembilan sebagai sebuah entiti politik. Pada masa yang sama hubungan Negeri Sembilan-Johor turut disentuh sehingga peristiwa yang membawa kepada pembebasan Negeri Sembilan daripada kekuasaan Johor. Di antara beberapa topik yang diberi perhatian ialah kemunculan institusi Yam Tuan dan kepentingan institusi Undang dalam sistem politik Negeri Sembilan.

Bab Tiga: Campurtangan British Di Negeri Sembilan (1874 - 1895)

Dalam bab ini diketengahkan sebab-sebab yang membawa kepada campurtangan British di Negeri Sembilan. Selain daripada konflik politik yang berlaku di Sungai Ujong yang membawa kepada kemasukan British di Negeri Sembilan, penularan kuasa Eropah tersebut ke wilayah-wilayah lain seperti Rembau dan Jelebu turut diberi perhatian. Selain itu pengukuhan dasar British di Negeri Sembilan melalui perjanjian-perjanjian yang ditandatangani dengan pemerintah-pemerintah tempatan turut disentuh dalam bab ini.

Bab Empat: Negeri Sembilan Sebagai sebuah Persekutuan (1889 - 1898)

Bab ini akan mengkaji mengenai proses penyatuan semula Negeri Sembilan yang bermula pada lewat abad ke- 19. Penyertaan Negeri Sembilan dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu turut ditulis dalam bab ini. Seterusnya kemunculan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri persekutuan dalam tahun 1898 turut diutarakan secara terperinci dalam bab ini.

Bab Kelima : Kesimpulan

Dalam bab ini satu penilaian keseluruhan mengenai sejarah perkembangan politik Negeri Sembilan dalam abad ke- 18 dan 19 telah dibuat. Hasil dari kajian yang dijalankan satu gambaran yang jelas mengenai sejarah perkembangan dan penubuhan Negeri Sembilan telah didapati.

PERBATASAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa perbatasan dan kekurangan yang tidak dapat dielakkan. Walaupun tujuan kajian ini ialah untuk melihat sejarah perkembangan politik Negeri Sembilan dalam abad ke- 18 dan 19 namun terdapat beberapa peristiwa yang hanya dapat dibincangkan secara terhad seperti Perjanjian Pangkor, Perang Sungai Ujong(1872-1874) dan Persekutuan Sri Menanti(1876) diberi perhatian secara terbatas agar ia tidak menyimpang keluar daripada topik kajian. Malahan topik - topik seperti ini sudahpun dibincangkan oleh penulis-penulis lain dalam kajian mereka.

Kesukaran juga dihadapi untuk mendapatkan fakta daripada Rekod- Rekod Sekretariat Negeri Sembilan di peringkat awal kerana rekod-rekod yang terdapat di Arkib Negara hanya bermula dari tahun 1887. Oleh itu peringkat awal dalam kajian penulis lebih berdasarkan kepada sumber - sumber sekunder.

Sumber

Terdapat pelbagai sumber yang dapat dirujuk apabila mengkaji sejarah perkembangan politik Negeri Sembilan dalam abad ke- 18 dan ke 19. Kategori sumber tersebut telah dibahagikan kepada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer terdiri daripada mikrofilem (Rekod Pejabat Kolonial), Fail - fail Sekretariat Kerajaan Negeri Sembilan dan Laporan Tahunan Negeri Sembilan.

Sumber sekunder yang utama terdiri daripada buku-buku, artikel-artikel dan jurnal-jurnal. Kebanyakan daripada bahan-bahan ini didapati dari Arkib Negara Cawangan Kuala Lumpur, Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Zaba Universiti Malaya.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam usaha menjalankan kajian ini, pelbagai kaedah telah digunakan untuk mendapatkan maklumat. Semua kaedah yang digunakan sememangnya telah memberikan kesan yang memuaskan dan mendatangkan banyak manfaat. Metod Penyelidikan Perpustakaan (Library Research) digunakan sebagai kaedah utama dalam menghasilkan disertasi ini. Penyelidikan ini memerlukan subjek penelitian dilakukan di Perpustakaan. Cara ini digunakan bagi mengumpulkan data-data dengan merujuk kepada buku-buku, latihan ilmiah, disertasi dan jurnal-jurnal yang berkaitan.

Di samping itu penulis menggunakan dua metod utama dalam penyelidikan ini iaitu Metod Historis dan Metod Dokumentasi. Penyelidikan yang menggunakan

Metod Historis adalah berlandaskan sejarah. Metod ini bertujuan untuk mendapatkan data - data yang bernilai sejarah daripada bahan-bahan yang berhubung dengan kajian. Sejarah yang diteliti dalam penyelidikan ini ialah mengenai sejarah perkembangan politik Negeri Sembilan dan sejarah penglibatan British di Negeri Sembilan khususnya dan Tanah Melayu umumnya.

Metod dokumentasi bermaksud cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan topik yang diselidik. Dokumen-dokumen yang dikaji ialah seperti perjanjian-perjanjian dan artikel-artikel dalam jurnal.